

Perbincangan lanjut Y.B Menteri dengan agensi-agensi di bawah kementeriannya akan diadakan bagi mengenalpasti program-program yang akan dilaksanakan terlebih dahulu berdasarkan peruntukan kewangan di bawah kementerian beliau. Y.B. Dato' Seri Hj. Mohd Shafie juga akan berkunjung ke UUM selepas Aidilfitri nanti dan seterusnya akan menyampaikan syarahan kepada pelajar dan staf UUM berkaitan dengan transformasi yang telah dilaksanakan oleh kementerian beliau di luar bandar dan juga wilayah di Malaysia.

Turut hadir semasa perbincangan tersebut adalah Prof. Madya Dr. Rohana Yusof, Pengarah NCRC, En. Ahmad Rasidi Abdullah, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Kapt. Mohamad Ezanee Yazid, Penolong Pengarah NCRC. NCRC dan Jabatan Hal Ehwal Akademik juga akan bertindak sebagai urusetia bagi Program 3K3D dan Y.Bhg. Dato' Naib Canselor berharap program-program yang bakal dilaksanakan nanti akan mendapat sokongan yang padu daripada Y.B. Dato' Seri serta agensi-agensi di bawah kementerian beliau.



TAMAT.

=====

DARIPADA:
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)
ARAS 2, BANGUNAN EKONOMI
KOLEJ SASTERA DAN SAINS
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3653
FAKS: 04-928 3647
E-MEL: ncrc@uum.edu.my
WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my